



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

ANILAI ESTETIK PANTUN DALAM TRADISI NIKAH KAHWIN
MASYARAKAT MELAYU TANJUNG PINANG RIAU INDONESIA

MUHARRONI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA SASTERA PERADABAN MELAYU
(MOD PENYELIDIKAN)

INSTITUT PERADABAN MELAYU
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2016



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah**ABSTRAK**

PustakaTBainun



ptbupsi

Kajian ini bertujuan untuk melihat nilai estetik dalam pantun tradisi nikah kahwin masyarakat Melayu Tanjung Pinang. Masyarakat Melayu Tanjung Pinang menggunakan pantun dalam tradisi nikah kahwin sudah dimulakan dari pertengahan abad ke-19 hingga sekarang. Kajian ini menggunakan teori estetik sastera yang dikemukakan oleh Haji Muhammad Salleh untuk menganalisis. Reka bentuk penyelidikan dalam kajian ini adalah deskriptif kualitatif. Kajian ini menggunakan empat teknik pengumpulan data, iaitu tinjauan langsung, temu bual, dokumentasi, dan kajian kepustakaan. Kajian mendapati bahawa tradisi nikah kahwin masyarakat Melayu Tanjung Pinang melalui lapan tahap, iaitu merisik, meminang, bertunang, menghantar hantaran, akad nikah, cecah inai, berarak dan bersanding. Kesimpulan daripada kajian ini adalah pantun-pantun yang didapati sesuai dengan ciri dan bentuk pantun. Pantun-pantun itu berfungsi sebagai media komunikasi, media pengajaran, dan hiburan. Nilai estetik yang didapati dalam pantun, iaitu dunia luas yang dipadatkan, dunia berjodoh, sama ukur atau imbalan dan muzik bahasa. Implikasi kajian yang dapat diketengahkan mencakupi implikasi kepada pembaca, pemantun, lembaga yang berkuasa dalam adat nikah kahwin dan pelajar. Kajian ini boleh dijadikan panduan pada masyarakat Melayu Tanjung Pinang. Kajian ini diharapkan dapat memperluaskan lagi kajian di bidang bahasa, sastera, dan budaya Melayu.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi

THE AESTHETIC VALUE OF PANTUN IN TRADITIONAL MALAY COMMUNITY OF MARRIAGE IN TANJUNG PINANG RIAU INDONESIA

ABSTRACT

The purpose of this study is to highlight the aesthetic value of *pantun* in traditional Malay Community of marriage in Tanjung Pinang. Tanjung Pinang Malay community using *pantun* in the traditional of marriage has been started from the middle of nineteenth century until present. This study used the literacy aesthetic theory advanced by Muhammad Haji Salleh. Research design for this study is descriptive qualitative. This research used four techniques of data collection, i.e, direct surveys, interviews, documentation, and literature. The study found that the tradition of marriage in Malay community in Tanjung Pinang through eight stages, namely investigate, porpose, engagement, sent a pass, marriage, reached the henna, marching and biting. The conclusion of this study are quatrains obtained in accordance with the nature and form of *pantun*. The function of *pantun* is as a media of communication, instructional media and entertainment. Aesthetic value is found in *pantun*, the wide world of compact, world-affinity, weather the balance and music language. Highlighted the implication that can account for the implications to the reader, *pemantun*, an institution that has the authority in the marriage custom and students. This study is expected to expand research in the field of language, literature and Malays culture.

**Muka Surat**

PERAKUAN KEASLIAN	ii
PENGHARGAAN	iii
DEDIKASI	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	2
1.3	Pernyataan Masalah	7
1.4	Soalan Kajian	10
1.5	Objektif Kajian	11
1.6	Kepentingan Kajian	11
1.7	Batasan Kajian	13
1.8	Definisi Konsep	14
1.8.1	Nilai Estetik	14
1.8.2	Pantun	25
1.8.3	Tradisi Nikah Kahwin	34
1.8.4	Masyarakat Melayu Tanjung Pinang	41
1.9	Kaedah Kajian	43
1.9.1	Tinjauan Langsung	43



05-4506832	pustaka.upsi.edu.my	Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah	PustakaTBainun	ptbupsi	44
		1.9.2 Kajian Kepustakaan			44
		1.9.3 Temu Bual			45
		1.10 Kesimpulan			46
BAB 2		SOROTAN LITERATUR			
		2.1 Pengenalan			48
		2.2 Kajian Lepas			49
		2.3 Kesimpulan			60
BAB 3		METODOLOGI KAJIAN			
		3.1 Pengenalan			61
		3.2 Teori Nilai Estetik			62
05-4506832	pustaka.upsi.edu.my	3.2.1 Dunia Luas yang Dipadatkan	PustakaTBainun	ptbupsi	63
		3.2.2 Mainan Kiasan dan Saranan			64
		3.2.3 Dunia Berjodoh			68
		3.2.4 Sama Ukuran			69
		3.2.5 Muzik Seiring Kata			70
		3.2.6 Sesuai dan Patut			71
		3.3 Kesimpulan			72
BAB 4		DAPATAN KAJIAN			
		4.1 Pengenalan			73
		4.2 Ciri-ciri dan Bentuk Pantun			74
		4.3 Fungsi Pantun dalam Tradisi Nikah Kahwin Masyarakat Melayu Tanjung Pinang			99
05-4506832	pustaka.upsi.edu.my	Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah	PustakaTBainun	ptbupsi	

05-4506832	pustaka.upsi.edu.my	Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah	PustakaTBainun	ptbupsi	100
		4.3.1 Pantun Sebagai Media Komunikasi			100
		4.3.2 Pantun Sebagai Media Pengajaran			106
		4.3.3 Pantun Sebagai Hiburan			112
		4.4 Nilai Estetik Pantun			113
		4.4.1 Pantun Merisik			114
		4.4.2 Pantun Meminang			134
		4.4.3 Pantun Menghantar Pengantin dan Serah Terima Hantaran			149
		4.4.4 Pantun Bersanding			153
		4.4.5 Pantun Tepuk Tepung Tawar dan Cecah Inai			154
		4.4.6 Pantun Berarak			158
		4.5 Kesimpulan			159
05-4506832	pustaka.upsi.edu.my	Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah	PustakaTBainun	ptbupsi	
BAB 5		PERBINCANGAN, KESIMPULAN, IMPLIKASI, DAN CADANGAN			
		5.1 Pengenalan			162
		5.2 Perbincangan			163
		5.2.1 Ciri-ciri dan Bentuk Pantun			163
		5.2.2 Fungsi Pantun			164
		5.2.3 Nilai Estetik Pantun Tradisi Nikah Kahwin Tanjung Pinang			165
		5.2.3.1 Dunia Yang Dipadatkan			166
		5.2.3.2 Mainan Kiasan dan Samaran			166
		5.2.3.3 Dunia Berjodoh			166
		5.2.3.4 Sama Ukuran			167
		5.2.3.5 Muzik Seiring Kata			167
05-4506832	pustaka.upsi.edu.my	Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah	PustakaTBainun	ptbupsi	167
		5.2.3.6 Sesuai dan Patut			167

 05-4506832

 pustaka.upsi.edu.my

 Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

 PustakaTBainun

 ptbupsi

5.3	Kesimpulan	168
5.4	Implikasi	170
5.5	Cadangan	174
BIBLIOGRAFI		176
LAMPIRAN		



BAB 1

PENDAHULUAN



1.1 Pengenalan

Dalam kehidupan orang Melayu, pantun selalu saja mendapat tempat yang istimewa jika dibanding syair, gurindam, dan mantera. Hal ini disebabkan oleh sifat pantun yang lentur hingga dapat digunakan di mana sahaja dan oleh siapa sahaja.

Sebagai satu dari jenis sastera asli Melayu, keunikan pantun telah menarik perhatian ramai sarjana, sama ada tempatan (dalam hal ini ilmuwan nusantara) mahupun barat untuk mengkajinya. Beberapa sarjana dari barat yang mengkaji pantun antaranya adalah R. J Wilkenson dan R. O Winstedt (1961);



Francois-Rene Daillie (1998); dan Braginsky (1998). Keseluruhan hasil kajian mereka menempatkan pantun sebagai karya sastra Melayu, yang memiliki keistimewaan baik secara tersirat mahupun tersurat. Keistimewaan tersirat di dalam kata-kata yang dirangkai dalam kalimat-kalimat pembayang dan maksud. Sedangkan keistimewaan tersurat dalam bentuk kesederhanaan yang padat.

Keberagaman hasil cipta era teknologi sekarang ini, menyebabkan banyak karya sastra tradisi (syair, gurindam, dan mantera) hilang, namun pantun masih bertahan, walau diakui bahawa seringnya orang berpantun pada masa sekarang tidak sesering orang dahulu. Pantun, bahagi orang dahulu merupakan media komunikasi, berbeda dengan pantun orang sekarang yang hanya dijadikan sebagai satu penciptaan sastra, dan bahkan, pantun pada masa sekarang hanya dapat ditemukan dalam acara-acara tertentu sahaja.

Kajian ini diharapkan nantinya mampu menjadi media pembelajaran pantun kepada generasi muda, sehingga pantun dapat kembali seperti masa dahulu lagi. Dimana sahaja dan dengan siapa sahaja orang selalu berbalas pantun.

1.2 Latar Belakang Kajian

Pantun merupakan salah satu bentuk sastra bukan cerita yang dimiliki orang Melayu Tanjung Pinang selain gurindam, syair, mantera, kisah dan bidal. Hal ini

selari dengan apa yang dikemukakan Zainuddin (1986:7) “*Berdasarkan bentuknya sastra lisan yang ada di daerah Melayu Riau dibedakan atas beberapa jenis yakni pantun, syair, mantra, kisah, bidal dan kata-kata arif*”.

Harun Mat Piah (1989) mengungkapkan bahawa penciptaan pantun telah dibuat pada zaman sebelum datangnya pengaruh Hindu. Sementara Overbeck menganggap bahawa seloka dari karya-karya *Ramayana* dan *Sakuntala* mengingatkan kita pada sentimen dan senikata pantun Melayu. Berdasarkan pendapat-pendapat tersebut, kehadiran pantun di tanah Melayu telah ada sejak abad kejayaan Sriwijaya atau kejayaan Kerajaan Jambi-Melayu yang berasaskan Buddha/Hindu. Pakar lain berpendapat bahawa pantun dalam tradisi Melayu baharu lahir pada abad ke-15. Winstedt berpendapat bahawa pantun berasal dari *sloka* atau seloka Hindu yang terdiri dari empat baris, dengan delapan suku kata pada setiap baris. Ia menambahkan, berdasarkan istilah pantun dan contoh-contoh pantun dalam naskah *Sejarah Melayu*, pantun baharu dikenal dalam kesusasteraan Melayu mulai abad ke-15. Dalam karya-karya zaman Hindu dalam bahasa Melayu, seperti *Hikayat Seri Rama* dan saduran-saduran dari *Mahabharata* seperti *Hikayat Pandawa* dan *Hikayat Sang Boma*, tak terdapat rangkaian kata berbentuk pantun.

Dalam hikayat klasik Melayu yang menggunakan motif-motif karya Hindu memang terdapat pantun, tetapi bila diperhatikan lebih teliti maka pantun-pantun tersebut mengandung unsur-unsur Islam, bahkan ada pula unsur yang

menggambarkan adanya kehadiran orang Barat di Kepulauan Nusantara. Dengan perkataan lain, pantun-pantun tersebut dimasukkan spada zaman yang kemudian. Jumlah pantun dalam *Sejarah Melayu* versi yang lebih tua (edisi Winstedt) lebih sedikit jika dibandingkan jumlah pantun dalam versi *Sejarah Melayu* yang lebih muda (Iskandar, 1996:167-168).

Dalam tradisi berpantun terkandung nilai-nilai pengajaran yang dapat digunakan sebagai pedoman kehidupan sehari-hari. Nilai pengajaran pantun boleh didapat secara tersirat mahupun yang tersurat. Hal ini selari dengan apa yang yang dikemukakan Hamidy (2005:38). *“Kesenian (sastera lisan) tidak semata-mata untuk hiburan belaka, tetapi juga untuk menyampaikan pesan-pesan agama, adat dan resam (tradisi).”*

Koentjoroningrat (1995:25) menyatakan bahawa *“Nilai budaya merupakan konsepsi-konsepsi yang hidup dalam pikiran sebahagian besar anggota masyarakat, mengenai hal-hal yang harus mereka anggap amat bernilai dalam kehidupannya”*. Khusus bahagi masyarakat Melayu Tanjung Pinang, Provinsi Kepulauan Riau, Indonesia, pantun yang dituturkan dalam tradisi nikah kahwin diyakini memiliki sejumlah nilai-nilai pendidikan yang dapat dijadikan pegangan hidup kepada pemantun itu sendiri mahupun kepada sesiapa yang mendengar.



Harun Mat Piah (1989) membahagikan ciri-ciri pantun kepada dua aspek, iaitu luaran dan dalaman. Aspek luaran adalah dari segi struktur dan ciri-ciri visual iaitu: (a) setiap stanza terbahagi kepada 2 unit, iaitu pembayang dan maksud. (b) setiap baris mengandungi empat kata dasar, dengan jumlah suku kata antara 8 hingga 10. (c) adanya klimaks, iaitu perpanjangan atau kelebihan jumlah unit suku kata atau perkataan pada pasangan maksud. (d). terdiri dari pada rangkap-rangkap yang berasingan. Setiap rangkap terjadi dari pada baris-baris yang sejajar dan berpasangan seperti 2,4,6,8 dan seterusnya rangkap yang paling umum ialah empat baris (e) mempunyai skema rima hujung yang tetap: a-b-a-b dengan sedikit variasi a-a-a-a (f) setiap stanza pantun adalah satu keseluruhan-mengandungi satu fikiran yang bulat dan lengkap.



Ciri-ciri dalaman pula adalah unsur-unsur yang hanya dapat dirasakan secara subjektif mengikut pengalaman dan pemahaman pendengar. Termasuk (a) penggunaan lambang-lambang tertentu mengikut tanggapan dan pandangan dunia masyarakat; (b) adanya perhubungan makna antara pasangan pembayang dengan pasangan maksud, sama ada secara konkrit atau abstrak atau melalui lambang-lambang.

Menurut Tennas Effendi (1990:31), pada umumnya pantun mempunyai bentuk atau ciri-ciri sebagai berikut: (1) Pantun pada umumnya terdiri dari empat baris, (2) Ada juga yang lebih dari empat baris yang disebut gurindam atau talibun dan pula yang kurang dari empat baris, (3) Tiap baris pada umumnya terdiri dari



empat atau lima kata, (4) Jumlah suku kata setiap baris antara enam sampai dua belas suku kata, (5) Pantun terdiri dari dua bahagian yang disebut sampiran dan isi. Baris pertama dan kedua disebut sampiran baris ketiga dan keempat disebut isi, (6) Pengarangnya tak diketahui atau anonim.

Beberapa kajian mengungkapkan bahawa di dalam pantun terkandung nilai-nilai yang berharga. Salah satu nilai yang dapat diperoleh dari bait-bait pantun adalah nilai estetik atau keindahan. Berbicara tentang keindahan pantun, ada keindahan yang terkait dengan bahasa dan ada keindahan terkait dengan isi, makna, amanat, atau strukturnya. Pantun mengandungi keindahan fizikal terkait dengan bahasa dan sekaligus keindahan struktur batinnya. Kandungan makna di dalam pantun, misalnya, banyak memberi manfaat bahagi kehidupan, sebab makna itu terkait dengan nasihat, petuah, ajaran moral, budi pekerti mulia, nilai kebijakan, keutamaan dan keluhuran yang dapat menuntun ke arah yang lebih baik (Harun Mat Piah, 1989).

Pantun yang hingga sekarang masih hidup di dalam masyarakat Melayu Tanjung Pinang, khususnya pantun dalam tradisi nikah kahwin, mengandungi muatan pengajaran kepada pendengarnya, terutama sepasang mempelai yang akan menjalani bahtera kehidupan. Bait-bait pantun yang disampaikan pemantun yang mewakili pihak perempuan dan pihak lelaki dengan gaya bahasa tertentu itu, kaya akan makna dan kiasan yang secara tersurat mahupun tersirat berisi tentang tata

panduan dan atau cara dalam memandang hidup untuk menjadi lebih baik untuk setiap anggota masyarakat.

Pantun yang dituturkan dalam tradisi nikah-kahwin seyugianya dapat menjadi bahan pegangan pasangan pengantin baharu untuk menjalani bahtera kehidupan, kerana pantun yang dituturkan mengandungi nilai-nilai pendidikan yang sangat bermanfaat, sehingga masyarakat Melayu tidak kehilangan arah terbawa arus globalisasi dengan berbagai sentuhan budaya asing. Disebabkan oleh beberapa hal itu, maka pengkaji memandang perlu membuat suatu kajian khusus yang mengkaji tentang Nilai Estetik Dalam Pantun Tradisi Nikah Kahwin Masyarakat Melayu Kota Tanjung Pinang Provinsi Kepulauan Riau, Indonesia.

1.3 Pernyataan Masalah

Keaslian hak cipta orang Melayu tidak pernah diragui. Tidak dapat dinafikan bahawa pantun adalah warisan tradisi lisan bangsa Melayu yang tidak disandar daripada mana-mana bangsa. Pertalian antara pantun dengan masyarakat Melayu amat erat dan akrab. Telah banyak diperkatakan betapa pantun mempunyai fungsi sosial dan psikologi yang berkait rapat dengan alam kehidupan dan pemikiran orang Melayu. Walaupun tradisi berpantun tidak meluas seperti dalam masyarakat Melayu Tradisional, namun pantun tetap hidup di tengah-tengah arus kemajuan masyarakat Melayu moden.

Pantun yang kita kenal hari ini terdiri dari pelbagai bentuk dan jenis, namun kesemuanya berkongsi ciri yang sama, iaitu memiliki aturan serta kaidah yang baku. Kaidah atau aturan yang dimaksudkan antara lain, dalam satu bait terdiri dari empat baris, bersajak, dan memiliki pembayang dan maksud.

Pantun masih bertahan menghadapi arus dunia moden. Namun sayangnya, keberadaan pantun hanya dalam waktu-waktu tertentu sahaja. Minat masyarakat Melayu masa sekarang untuk berpantun tidak sama dengan masa dahulu. Oleh itu, saat ini, sulit sekali menemukan pemantun yang handal. Pemantun yang handal adalah pemantun yang mampu menciptakan bait-bait pantun yang sesuai serta memenuhi kaidah dan ciri-ciri pantun dalam waktu yang relatif singkat dan

memiliki nilai.

Pantun berkembang sejalan dengan berkembangnya ilmu pengetahuan dan teknologi moden. Perkembangan pengetahuan dan teknologi tersebut telah menciptakan berbagai jenis kegemaran baharu di kalangan generasi muda, yang akhirnya generasi muda sudah tidak lagi gemar berpantun. Berbagai macam anggapan muncul, misalnya pemantun dikesan sebagai sesuatu yang ketinggalan zaman, berpantun itu kuno, dan lain sebagainya. Sejalan dengan itu, juga membuka kemungkinan rendahnya tingkat keterampilan generasi muda tersebut dalam mencipta pantun.

Keberadaan pantun juga disaingi dengan maraknya penciptaan karya sastra bentuk lain, seperti novel, puisi, dan cerpen. Dengan berkurangnya penciptaan pantun, mengakibatkan pantun tidak lagi menjadi sesuatu yang menarik perhatian khalayak ramai, terutama perhatian pengkaji sastra.

Setiap perkataan dalam pantun lazimnya mempunyai hubungan yang akrab dengan kehidupan orang Melayu. Pantun mengandungi perlambangan dengan maksudnya tersirat di balik kiasan, maka perlambangan itu adalah dalam konteks yang difahami, malah digunakan oleh masyarakat Melayu.

Kebiasaan orang Melayu dalam menyampaikan maksud selalu dengan cara tidak langsung. Dalam kebudayaan Melayu memang disengajakan supaya maksud dalam komunikasi itu disampaikan secara tidak langsung kerana penyampaian maksud secara langsung itu merupakan suatu yang di luar kebiasaan, bahkan bahagi masyarakat tradisi, perbuatan itu dianggap sebagai perbuatan biadap. Oleh itu, bahasa Melayu itu kaya dengan bahasa kiasan, bahasa sindiran, pepatah, petitih dan sebagainya. Pengungkapan sesebuah pantun mampu membayangkan cara-cara orang Melayu menyampaikan pesan (mesej) mereka ketika berbahasa. Cara ini sebenarnya dapat memberi gambaran tentang cara mereka berfikir.

Pantun lahir daripada rasa dan pengalaman hidup yang ditempuh oleh masyarakat Melayu, khususnya masyarakat tradisi. Di samping itu juga, pantun memberi pengertian dan tujuan yang benar untuk menjadi panduan kepada



masyarakat Melayu. Kesenambungan pantun diperturunkan daripada satu generasi ke generasi selanjutnya yang lebih muda.

Pantun dalam tradisi nikah kawin penuh dengan permainan kata yang indah. Pantun yang dijual mahupun yang dibeli sarat akan metafora atau dalam kata lain penuh dengan kiasan yang tidak secara automatik dimengerti oleh pendengar. Diperlukan pemahaman dalam bidang lain untuk mengerti secara benar apa yang dimaksudkan pemantun. Pemahaman yang dimaksudkan adalah pemahaman pendengar terhadap tradisi dan Melayu itu sendiri.



Kajian ini dijalankan bahagi melihat nilai estetik dalam pantun tradisi nikah kahwin masyarakat Melayu Tanjung Pinang. Secara khusus, kajian ini mencari jawapan kepada soalan-soalan berikut:

1. Bagaimanakah ciri-ciri dan kesuaian pantun yang digunakan dalam tradisi nikah kahwin masyarakat Melayu Tanjung Pinang?
2. Apakah fungsi pantun dalam tradisi nikah kahwin masyarakat Melayu Tanjung Pinang?
3. Adakah nilai-nilai estetik yang terkandung di dalam pantun nikah kawin masyarakat Melayu Tanjung Pinang?



1.5 Objektif Kajian

Objektif kajian dalam kajian ini adalah:

1. Mengenal pasti ciri-ciri dan bentuk pantun dalam tradisi nikah kahwin masyarakat Melayu Tanjung Pinang.
2. Menjelaskan fungsi pantun dalam tradisi nikah kahwin masyarakat Melayu Tanjung Pinang.
3. Menganalisis nilai estetik pantun tradisi nikah kahwin masyarakat Melayu Tanjung Pinang berasaskan teori estetika.

1.6 Kepentingan Kajian

Pada masa ini, pemantun dan pantun dianggap bentuk karya sastra Melayu yang sukar. Kesukaran itu terjadi dikeranakan kurangnya minat dalam mendalami pantun itu sendiri. Seperti halnya sebuah ungkapan orang Melayu yang mengatakan “bisa kerana biasa, lancar kaji kerana diulang”. Tidak seperti masyarakat lama yang selalu menggunakan pantun sebagai salah satu media komunikasi.

Pantun merupakan salah satu cabang kesusasteraan lisan Melayu yang berbentuk bukan cerita. Pantun telah wujud dalam masyarakat Melayu semenjak zaman berzaman. Kebanyakan pantun yang sedia ada terus diungkap dan yang



baharu terus dicipta. Sebagai satu bentuk yang lengkap pantun mengungkap falsafah yang mendalam. Pantun juga memperlihatkan bahawa bangsa Melayu dahulu sudah bertamadun dan bermaruah. Masyarakat Melayu yang bijak menggunakannya dalam berbagai situasi dan tujuan dianggap sebagai orang yang bijaksana dan bermaruah.

Pantun perlu penyesuaian dengan era globalisasi. Untuk menyesuaikan perkara itu, diperlukan pemantun yang handal. Iaitu pemantun yang mampu menggunakan diksi yang baik, sesuai dengan zamannya, dalam menciptakan pantun.



Kajian ini diharapkan dapat memberi manfaat baik secara teoretik mahupun praktik. Secara teoretik kajian ini antara lain bermanfaat untuk: pertama, dapat memperkaya disiplin keilmuan yang ada melalui salah satu materi dalam pembelajaran bahasa dan sastra Melayu; kedua, untuk menumbuhkembangkan minat pembaca untuk berpantun, ketiga, sebagai media ajar membentuk karakter yang berbudi pekerti. Sedangkan manfaat praktiknya adalah agar masyarakat memahami selanjutnya merasakan nilai-nilai estetik di dalam pantun tradisi perkahwinan sehingga dapat dijadikan pedoman hidup bahagi masyarakat dan juga sebagai salah satu catatan dokumentasi warisan budaya yang berkekalan, ibarat pepatah orang tua-tua mengatakan “*tak lekang dek panas dan tak lapuk dek hujan*”.





1.7 Batasan Kajian

Kajian ini dibataskan pada bait-bait pantun yang dikumpulkan dalam tradisi nikah kahwin masyarakat Melayu Tanjung Pinang yang dilaksanakan di wilayah Kota Tanjung Pinang, mulai dari tanggal 1 November 2012 hingga 1 November 2013.

Lokasi pengkajian ini dilakukan pada tempat-tempat pelaksanaan nikah kahwin dalam batas wilayah Kota Tanjung Pinang, Provinsi Kepulauan Riau, Indonesia. Wilayah Kota Tanjung Pinang terdapat delapan belas belas Kelurahan, yakni: Kelurahan Tanjung Pinang Kota, Kelurahan Tanjung Pinang Barat, Kelurahan Tanjung Pinang Timur, Kelurahan Tanjung Ayun Sakti, Kelurahan Kampung Baharu, Kelurahan Kemboja, Kelurahan Tanjung Unggat, Kelurahan Kampung Bulang, Kelurahan Penyengat, Kelurahan Batu Sembilan, Kelurahan Sei Jang, Kelurahan Air Raja, Kelurahan Senggarang, Kelurahan Kampung Bugis, Kelurahan Dompok, Kelurahan Gudang Minyak, Kelurahan Kampung Melayu.

Pengkajian ini juga dilakukan di rumah informan. Rumah informan yang dimaksud adalah rumah pemantun yang berbalas pantun dalam proses tradisi nikah kahwin masyarakat Melayu Tanjung Pinang dan juga di kediaman budayawan yang dianggap mampu memberi jawaban atas pertanyaan yang berhubungan dengan soalan kajian.



Bait-bait pantun yang didokumentasikan tersebut akan dianalisis kepada tiga bahagian utama sesuai dengan objektif dalam kajian ini, iaitu: 1) Kesesuaian ciri serta kaidah pantun, 2) Fungsi pantun dalam tradisi nikah kahwin, dan 3) Nilai estetik berdasarkan teori yang dikemukakan Muhammad Haji Salleh, tahun 2000.

1.8 Definisi Konsep

Secara leksikal, “definisi” berarti “pembatasan”. Artinya, menentukan batas-batas pengertian yang terkandung dalam istilah tertentu, sehingga jelas apa yang dimaksudkan sehingga dapat dibedakan dengan pengertian-pengertian lain.

Dengan kata lain, definisi adalah perumusan yang singkat, padat, jelas, dan tepat tentang makna yang terkandung dalam istilah tertentu, sehingga istilah tersebut dapat dibedakan dengan jelas dari istilah-istilah lain. Istilah-istilah yang digunakan dalam kajian ini antara lain, estetik, pantun, tradisi nikah kahwin, dan masyarakat Melayu.

1.8.1 Nilai Estetik

Istilah “indah” dalam seni sebenarnya merangkumi segala yang bersifat baik, cantik, yang indah, setiap yang bersifat buruk, jelek, hodoh, dan agung. Oleh itu, istilah indah yang dikatakan *beauty* diganti dengan “estetik” (*aesthetics*). Untuk

melihat keindahan yang kompleks itu, Braginsky (2004), membedakan tiga dalam konsep keindahan Melayu, iaitu aspek ontologis (aspek keindahan sebagai pembayangan kekayaan Tuhan Yang Maha Pencipta), aspek imanen (aspek yang terungkap dalam kata-kata), dan aspek psiko (kejiwaan) dan atau pragmatik (aspek yang menimbulkan efek pada pembaca).

Keindahan sastera menjadi unsur penting sesebuah karya, malah menjadi pengukurnya. Kerana itu, penulis karya sastera secara sedar menampilkan nilai estetik di dalam karyanya. Kesedaran estetik dalam karya sastera dilayangkan dalam beberapa bentuk, melalui suara cerita lisan atau hikayat bertulis. Oleh itu, untuk melukis peta samar cakerawala bawah sedar ini, supaya kita dapat melihat hakikat karya yang akan kita baca atau dengar, maka kita harus kembali kepada sebanyak mungkin teks yang konkrit dan dapat mengupasnya untuk menemukan cebisan inti estetik sastera.

Walaupun kesedaran keindahan tidak dijelmakan dalam sebuah risalah yang lengkap, namun begitu kesedaran bahawa karya yang baik itu harus indah-indah tetap jelas, dan tetap menjadi unggul seni yang dicari dan disanjung pengarang. Kita juga harus teliti hakikat bahawa yang indah-indah itu memiliki pelbagai sudut, dan ditentukan oleh pandangan khususnya. Dalam konteks ini ada yang menyebut bunyi perkataannya sebagai pembawa keindahan, ada yang menyebut bahawa yang indah itu wataknya, dan seterusnya teks, dan yang lainnya melihat bahawa ceritanya lah yang indah. Oleh itu, daerah keindahan sastera



Melayu itu tidak sahaja terlihat pada estetik yang didasarkan kepada kecantikan bunyi bahasanya, tetapi juga meluas kepada susunan watak dan ceritanya. Kesedaran keindahan tidak dijemakan dalam sebuah risalah yang lengkap, namun begitu kesedaran bahawa karya yang baik itu harus “indah” tetap jelas, dan tetap menjadi unggul seni yang dicari dan disanjung pengarang.

Keindahan sastera Melayu tidak sahaja terlihat pada estetik yang didasarkan kepada kecantikan bunyi bahasanya, tetapi juga meluas kepada susunan watak dan ceritanya. “Yang indah-indah” atau “maha indah” merujuk kepada suatu sifat cerita atau bahasa atau lukisan watak yang mengesani khalayaknya, termasuk perasaan sedih, hiba, rawan, dan sebagainya. Peringkat indah itu pula ialah peringkat-peringkat pengalaman biasa. Malah bukan sahaja “indah” yang dicari pengarang serta pendengar atau pembaca mereka, tetapi peringkat pengalaman keindahan itu ialah yang lebih tinggi, iaitu yang diistilahkan sebagai yang “indah-indah” atau “maha indah”.

Kecantikan sastera yang unggul ialah kecantikan yang luar biasa. Kita tidak dapat mengelak untuk menghubungkan kata “indah-indah” dengan kata “endah” yang dalam bentuk jawi dan oleh itu bentuk lebih awalnya tidak dibezakan dengan “indah”. Istilah “indah” itu kemungkinan besar tumbuh daripada endah, yang bermaksud memperdulikan, acuh, dan memberi minat. Yang indah itu juga ialah hal-hal yang diendahkan, yang dipedulikan, dianggap penting. Manusia Melayu hidup dalam persekitaran alam yang khusus. Sebagai





penghuni alam yang amat setia ini, dia juga telah membuktikan dirinya sebagai pemerhati yang tekun dan teliti. Pusingan waktu, pergantian musim, perjalanan usianya, beserta segala tebiat khusus yang datang bersamanya, dicatat secara lisan ataupun kairografik. Pantai yang berubah setiap kali air bah dimasukkan ke dalam peribahasa dan pantun, begitu juga rumah yang dilambung ombak dijadikan metafora cabaran untuk mereka yang berani. Beribu citra dikutip untuk tebiat alam raya. Tetapi antara semua ini dia menemukan unsur harmoni yang hadir dalam alam semesta (Muhammad Haji Salleh, 2000:236).



Nilai estetik tidak dapat dipisahkan daripada sesebuah karya sastera. Karya sastera adalah pancaran akal budi dan gugusan idea seseorang pengkarya yang disampaikan melalui daya kepengarangannya. Oleh itu, hasil karya sastera itu sendiri bukan setakat pengubat jiwa, malahan secara tidak langsung, pengarang menjadi guru dalam hal-hal yang berkaitan dengan manusia dan kemanusiaan. Hakikat ini sesuai dengan pernyataan oleh Sahlan Mohd Saman (1986), yang menyebut, terdapat banyak kemungkinan seseorang penulis menghasilkan kerja-kerja kesusasteraan. Estetik adalah inti dalam setiap penghasilan karya-karya kesusasteraan, kerana ianya sesuai dengan fitrah manusia yang mahukan keindahan dan kesempurnaan dalam setiap yang ditemui.

Menurut Syafie Abu Bakar (1995:57-58) :

“...di dalam menghasilkan karya, pengkarya dituntut darinya menyulami karya-karyanya dengan elemen-elemen estetik, baik dari segi penampilan bentuk, teknik, struktur, pengenengahan

